

## **Tenung Regresif Timbang Progresif**

Teman Sidang Bacaan,

Menjadi progresif adalah pengakuan dan kesanggupan yang sering kedengaran lewat ini. Mungkin juga kekata progresif menjadi katasifat yang paling digemari sekali. Label Islam progresif tentunya jenama yang selalu kita dengar dan hampir semua kelompok mudah pula mengidentifikasi katasifat itu pada diri dan kelompok mereka sendiri. Bermacam-macamlah pengertian progresif ditakrifkan, ada yang jelas, ada yang taksa, ada pula semacam dipaksa. Umumnya, canang progresif diseiraskan dengan menjadi moderat, di saat kepelampauan agama/ideologi membuat orang gerun dituding-jari sebagai pelampau maupun penganas dan simpatisannya. Namun, tentu juga ada kelompok yang benar-benar mahu membangunkan upaya membentuk manusia dan kelompok progresif di saat banyak fikiran kacau dan praktis bahaya dan mundur yang terdapat di sekitar kita. Darilah ini harus kita menyambut ia dengan baik, digalak sama asalkan matlamat yang ingin dicapai itu tidak pula bertopengkan dengan niat dan kepentingan lain.

Bagi mereka yang bersanggupan memulakan wacana dan gerakan pencerahan untuk membawa gagasan progresif ke medan publik harus terlebih dahulu bersanggupan untuk tenung dan renung apa jua segi regresif yang berlangsung dalam masyarakat. Pertama, elakkanlah narsissistik borjuis yang hanya memastikan dirinya saja yang tercerah dan progresif, tetapi tiada ia terlarat pula menyanggah apa jua yang regresif dalam lingkungan masyarakatnya. Ertinya mereka ini celik akannya idea progresif tapi buta pula ia pada yang canggung dan tempang dalam masyarakatnya. Inilah gejala yang harus kita waspada. Kedua, harusnya ada persediaan untuk terus bertanya dan memikir-ulang, dengan segala segi kritis dan skeptis, akan maksud dan matlamat progresif itu sendiri.

Pengaju dan pendukung gagasan progresif sayugia dapat memahami sejarah gerakan idea progresif yang pernah bergerak dalam masyarakatnya; bagaimana ia berkembang, apakah gagasan yang dibawa, apakah kelemahan dan kendala yang ia hadapi, serta apakah yang terlepas dan tak-terfikirkan dalam gerakan progresif/reformis pada masa lalu. Ini harus pula dituruti dengan rangkaian persoalan yang harus discermati dan ditanyai: ( a ) Progresif dari segi apa, yakni progresif dalam erti kata apa yang dimahukan? ( b ) Progresif daripada sudut siapa? ; ( c ) Progresif itu untuk siapa sebenarnya? dan ( d ) tentu saja proses menjadi progresif itu, tidak dapat tidak membawa kesan kepada kita atau kelompok yang berkenaan. Adakah kita bersedia berhadapan dengan kesan-kesan ini?

Apabila disebut tenung, ia membawa erti pandang terus dengan tajam serta terkandung sesuatu sebab dan hajat. Tenung seorang ibu pada seorang anaknya yang nakal bererti amaran agar dihentikan segera apa yang tiada disukai. Tenung seorang kawan waktu berbual membawa erti tiada ia suka akan apa yang kita katakan tadi. Begitulah pula dengan tenung pada perkara-perkara yang regresif. Bagi mereka yang terkesan untuk

menyemarakkan gagasan progresif, harus ia ada keberanian dan kesanggupan untuk tenung ke arah perkara-perkara (idea atau praktis) yang regresif ini. Tenung tadi menjadi amaran, menjadi peringatan bahawa keterlanjuran idea dan praktis itu tidak akan dibiarkan selama. Ia akan terus dipantau, diperhatikan dan pantas akan diambil tindakan ke atasnya.

Tenung ke arah atau terhadap hal yang regresif ini bermaksud untuk tidak membenarkan keberlangsungan hal-hal yang regresif yang sekian lama membiak dan berlemak dibiarkan di sekeliling kita. Sesuatu yang ditenung itu berlaku atau berlangsung dalam keadaan yang terbuka. Tenung itu sendiri dibuat tanpa sembunyi. Inilah jua yang seharusnya berlaku apabila yang regresif itu ditenung oleh pendukung progresif. Wacana sosial yang tenung ke atas hal-hal regresif ini amat penting sekali, selain diutarakan apakah itu konstituen dan matlamat progresif. Tentunya tenung dan renung ke atas yang perkara yang regresif dan progresif adalah pengamatan cara dialektik. Tindak, perilaku dan idea regresif itu umumnya bersifat bukan saja penghalang bagi kemajuan dan pembaharuan, tetapi ia juga menjadi penghalang besar kepada kedua perkara itu. Juga darihal regresif itu membiakkan penerimaan ( secara sedar atau tidak ) hal-hal yang mundur, tidak produktif dan pasif dalam masyarakat. Renungan untuk menjadi progresif hanyalah afdal kiranya sudah terjawab mengapa yang regresif itu bukan saja diterimapakai malahan mengapa terus ia bertahan. Ertinya sebelum renungan dalam mengenai apakah maksud dan bagaimana pula menjadi progresif dibuat, ianya harus bersertakan tenung terhadap perihal regresif. Menjadi progresif tidak boleh sekali bermula dengan cogankata, jauh lagi mengucapkannya seperti bermajlis-majlis. Menjadi progresif bukan setakat ditingkat pemelukan idea setelah kita membaca dan mengafirmasi sesuatu gagasan yang tercerah. Menjadi progresif harus termasuk di dalamnya untuk turut sama membawa idea yang progresif itu ke ruang publik yang lebih besar. Upaya berwacana, mengkedepankan idea, visi dan praktis progresif harus dipimpin oleh mereka yang menggelar diri sebagai pendukung atau aktivis progresif. Sekiranya ini gagal dilakukan, idea progresif itu tinggal di tingkat benak atau ideational, sehingga ia membawa kepada khayal dan romantisme progresif yang sebenarnya kosong lagikan palsu. Malah adalah merugikan, kalaupun tidak suatu bencana, apabila progresif yang dimaksudkan itu sebagai “terus-cepat” untuk “merubah” tanpa memperdulikan konteks dan keperluan progresif. Naif juga kalau kita beranggapan proses ke arah matlamat menjadi progresif akan lancar meluncur hingga tercapai matlamat terakhir. Usaha menjadi progresif haruslah dijadikan kerja yang tekun, berhemah, bijaksana mengatur langkah, merancang dan memperteguh institusi yang ada demi mendukung idea dan praktis progresif. Nuansa semasa dan setempat harus mula pertama dikenalpasti sebelum laungan menjadi progresif itu mudah terlafaz. Tentu saja menjadi progresif itu bermaksud beransur membangun secara bertahap dan bukan pula ia bergolek turun maupun teranugerah dari langit.

Upaya atau agency manusia amat penting. Lain perkataan, menjadi progresif itu adalah proses panjang dan berterusan yang meliputi pengenalan, penyesuaian, penambahan, peninggalan, pemantauan, penyiasatan, dan pengajuan segala yang baru dan pembangunan-semula mana yang lama, agar proses pembaharuan dan pencerahan itu dapat memberi maksud yang bermakna kepada setiap manusia dalam masyarakat. Jadi, sungguhlah malang apabila menjadi progresif itu ditanggapi sebagai matlamat terakhir yang boleh tercapai dengan formula segera. Janji menjadi progresif memang muluk. Martabat menjadi progresif tentu juga tinggi. Di sinilah letaknya kebijaksanaan mempertimbang perihal progresif. Sudah menjadi hukum logis, tiada pula manusia atau kelompok yang agak mendabik dadanya sebagai kumpulan regresif. Maka tak hairanlah

pula ramai dan pelbagai kelompok yang bergegas untuk membilangkan dirinya atau kumpulannya progresif. Pernyataan peringkat permulaan tentu sesuatu yang menjanjikan selagi ia dibuat secara bertanggungjawab. Namun usahlah pula kita terbuai dengan romantisisme progresif, setelah kita berasyik untuk menjadikan diri kita dan yang lain sama-sama dalam warga progresif, sedangkan segala kekotoran, kepalsuan dan kejahatan regresif masih lagi mengigit dan nanah membusuk. Itulah khayalan kerana ia tidak berpijak di bumi nyata. Mahukan sesuatu yang sempurna dan baik harus pertama bukan saja bijak mentakrif apa yang dimaksudkan itu dan bagaimana pula merancang dan mendapatkan ia, tetapi juga, dan penting sekali dipertekankan, apakah pula rintangan yang menghambat terjadinya atau terserlahnya yang baik dan sempurna itu tadi. Begitulah usaha untuk menjadi progresif. Makanya bila terpanggil untuk berusaha ke arah progresif harus sepadan dengan terpanggil untuk menyanggah apa jua yang regresif. Timbangkan progresif agar ia terus dapat menyanggah yang regresif yang tentunya pula harus terus ditenung panjang.

**Azhar Ibrahim Alwee**

**Disember 2006, Singapura**